

Headline	SPM bukan penentu segalanya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	12	ArticleSize	444 cm ²
AdValue	RM 8,856	PR Value	RM 26,568



SPM bukan penentu segalanya

Oleh **RAM AL JAFFRI SAAD**

KEPUTUSAN peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah diumumkan baru-baru ini. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof, pencapaian keseluruhan SPM 2013 adalah yang terbaik dalam tempoh lima tahun berdasarkan indeks nilai Gred Purata Nasional (GPN).

Jumlah pelajar yang memperoleh semua gred A (Cemerlang) meningkat, iaitu seramai 13,970 calon dengan 11,892 daripadanya merupakan calon sekolah kerajaan manakala 2,078 calon pula sekolah persendirian.

Pelbagai reaksi boleh kita lihat sebelum, semasa dan selepas pengumuman dibuat. Orang yang paling gembira tentulah para pelajar, ibu bapa dan tidak ketinggalan juga guru-guru yang telah banyak menabur bakti untuk memastikan kejayaan anak-anak muda ini. Tidak salah untuk mereka merayakan kejayaan ini setelah segala penat-lelah mereka curahkan.

Kedudukan pencapaian SPM 2013 menjadi petunjuk bahawa prestasi pendidikan negara telah berganjak kepada satu tahap yang lebih baik dan cemerlang.

Telahan saya semakin ramai pelajar yang mendapat A, semakin ramai golongan cerdik pandai akan lahir pada masa akan datang. Ramai cerdik pandai sudah pasti boleh memacu negara untuk terus berjaya dan unggul pada tahun-tahun mendatang.

Namun timbul persoalan adakah banyak A yang diperolehi semasa SPM boleh dijadikan ukuran bahawa pelajar A tersebut akan berjaya dalam kehidupan mereka? Adakah banyaknya A akan menjamin mereka mendapat kerja yang baik pada masa hadapan?

Penulis masih terkenang saat semasa keputusan SPM 1996 diumumkan. Penulis mendapat khabar gembira apabila berjaya memperoleh keputusan yang agak bagus. Pada masa itu bukan sahaja riuh di sekolah, malah sampai satu kampung pun turut teras keriuhan.

Sebagai pelajar yang bukanlah bijak dan cemerlang - kerana jika dilihat kepada keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang seolah-olah tiada harapan - kejayaan penulis ketika itu memang mengejutkan keluarga dan orang kampung.

Yang pasti, keputusan tersebut membolehkan penulis menjejakkan kaki ke universiti.

Setelah mendaftar di universiti sekitar 1997, penulis merasakan satu cabaran baru yang perlu ditempuhi. Bergaul dengan kawan-kawan yang sangat-sangat cemerlang yang datang daripada seluruh pelosok negara, penulis terpaksa bersaing dengan mereka yang merupakan produk sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah elit, maktab rendah sains dan sebagainya.

Kejutan juga buat penulis apabila melihat sesetengah mereka ini tidak berapa peduli tentang pelajaran setelah memasuki uni-

versiti. Banyak masalah disiplin yang ditimbulkan antaranya kerap tidak hadir kuliah, tidak menghantar tugas dan lain-lain lagi. Itu belum dikira yang asyik-mahsyuk dengan 'cinta kampus'.

Setiap hujung minggu, keluarga mereka sering datang melawat. Segala bentuk kelengkapan disediakan. Tiada sebab untuk mereka tidak mampu mengulangi kejayaan semasa SPM namun ini tidak berlaku di universiti.

Setelah tamat pengajian, masing-masing membawa haluan sendiri namun teknologi komunikasi menerusi media sosial seperti facebook dan twitter, kembali menemukan kami.

Rakan-rakan di universiti dulu ramai yang memilih kerjaya guru seperti penulis. Ada juga yang memegang jawatan tinggi di syarikat-syarikat swasta dan kerajaan. Kebanyakannya memilih makan gaji.

Sebaliknya, rakan-rakan yang gagal melanjutkan pengajian ke universiti kebanyakannya bekerja sendiri. Mereka bos dan mereka jugalah pekerja. Ada yang berniaga, ada yang menjadi penternak, usahawan, pemborong, kontraktor, mekanik dan sebagainya.

Pendapatan makan gaji tidak seberapa. Namun, rakan-rakan yang bekerja sendiri amat luar biasa lumayannya. Ada yang hanya berniaga roti canai tetapi mampu menjana pendapatan lebih RM500 sehari. Yang berniaga ayam segar pula mampu menjual sehingga 1,000 ekor ayam sehari. Bayangkan berapa jumlah pendapatan mereka sebulan dan setahun.

Penulis lebih cemburu dengan jumlah zakat pendapatan dan perniagaan yang dikeluarkan. Ada yang melebihi RM20,000. Sedangkan rata-rata golongan makan gaji seperti penulis hanya membayar zakat pendapatan sekitar RM200 hingga RM400 sebulan sahaja.

Mereka yang bekerja sendiri mampu membantu masyarakat dengan menyediakan peluang pekerjaan.

Tidak mustahil ramai pelajar A seperti saya bekerja untuk pelajar C seperti rakan yang bekerja sendiri.

Tanpa memperlekeh kerja makan gaji, penulis mahu mengajak semua memikirkan hujah-hujah ini.

Pertama, SPM bukan segala-galanya. Walaupun cemerlang dalam SPM, itu tidak bermakna seseorang akan berjaya di universiti. Bagi mereka yang bukan pelajar A, tidak mestinya akan gagal dalam hidup. Pendek kata cemerlang SPM tidak menentukan cemerlang hidup. Tidak cemerlang SPM tidak menentukan tidak cemerlang hidup.

Kedua, di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Tidak penting dari mana asal usul kita, yang penting sejauh mana usaha kita.

Ketiga, jangan sekali-kali menganggap

kejayaan hari ini adalah hasil usaha kita semata-mata. Ingatlah bahawa semuanya kurnia daripada Allah SWT. Bersyukur dan terus fokus untuk kerjaya pada masa hadapan.

Buat semua pelajar yang sudah dapat keputusan SPM, syukuri apa yang anda dapat dan teruskan perjuangan hidup. Cemerlang atau tidak, keputusan tersebut tidak ada maknanya jika kita tidak mahu berusaha untuk kejayaan seterusnya.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan Islam (SOA) dan Penyelidik Utama Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRE), Universiti Utara Malaysia

Headline	SPM bukan penentu segalanya		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	12	ArticleSize	444 cm ²
AdValue	RM 8,856	PR Value	RM 26,568



SERAMAI 21 pelajar Sekolah Tun Fatimah yang memperoleh semua A dalam mata pelajaran yang diambil meraikan kejayaan bersama Pengetua mereka, Kamisah Aziz (tengah) semasa pengumuman keputusan SPM 2013 di sekolah tersebut di Johor Bahru, Khamis lalu.